



IDRIS JUSOH menyampaikan Anugerah *World's Most Influential Scientific Minds 2016* kepada Siti Kartom Kamarudin (kanan) sambil disaksikan oleh Mary Yap Kain Ching pada majlis *Malaysia's Rising Star Award 2016* di Putrajaya, kelmari. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

info

SENARAI PENERIMA ANUGERAH

Anugerah Elsevier Wanita Dalam Sains

- Prof. Ir. Dr. Zahira Yaakob (UKM)
- Prof. Dr. Azah Mohamed (UKM)
- Prof. Madya Dr. Suzana Yusup (UTP)

Anugerah Elsevier Kerjasama Antarabangsa

- Prof. Dr. Nasrudin Abd. Rahim (UM)
- Prof. Dr. Sulaiman Wadi Harun (UM)
- Prof. Dr. Mohd. Rafii Yusop (UPM)

Anugerah Clarivate Analytics Penyelidik Frontier

- Prof. Dr. Zainal Salam (UTM)
- Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail (UTM)
- Prof. Dr. Jinap Selamat (UPM)
- Prof. Dr. Ishak Ahmad (UKM)
- Dr. Che Hang Seng (UM)

Anugerah Clarivate Analytics Penyelidik Muda

- Prof. Ir. Dr. Sharifah Datu Wan Alwi (UTM)
- Prof. Dr. Lee Keat Teong (USM)
- Prof. Madya Dr. Lim Hong Ngee (UPM)
- Dr. Huang Nay Ming (UM)
- Dr. Ong Hwai Chyuan (UM)

Anugerah Clarivate Analytics Sitasi Penerbitan Tertinggi

- Prof. Datuk Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud (UKM)
- Prof. Ir. Dr. Siti Kartom Kamarudin (UKM)
- Prof. Dr. Wan Saime Wan Ngah (USM)
- Prof. Ir. Dr. Mohd. Ali Hashim (UM)

Pengiktirafan Clarivate Analytics Sitasi Penerbitan Tertinggi Malaysia dalam kalangan Minda-Minda Saintifik Berpengaruh Dunia 2016

- Prof. Datuk Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud (UKM)
- Prof. Ir. Dr. Siti Kartom Kamarudin (UKM)
- Prof. Dr. Bassim H. Hameed (USM)

Pengiktirafan Reuters Top 75: Universiti-Universiti Paling Inovatif Asia

- Universiti Putra Malaysia
- Universiti Malaya

20 penyelidik diiktiraf kecemerlangan dalam MRSA 2016

Anugerah berprestij bertaraf antarabangsa

Oleh **KAMIL MASLIH**
 pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 2 NOV.

MALAYSIA terbukti mempunyai penyelidik bertaraf dunia yang perlu dibanggakan apabila seramai 20 orang kakitangan universiti awam diiktiraf dalam *Malaysia's Rising Star Award (MRSA) 2016* sebagai penulis ilmiah yang paling kerap dirujuk oleh penyelidik di seluruh dunia.

Mereka diberi pengiktirafan itu apabila menerima sitasi penerbitan antara satu hingga sepuluh peratus tertinggi dunia mengikut bidang masing-masing dalam pangkalan data antarabangsa *Web of Science (WoS)* dari Clarivate Analytics dan Scopus dari Elsevier, dua agensi pengindeksan utama penerbitan ilmiah berkualiti seluruh dunia.

Berbanding 14 penerima anugerah ditawarkan pada tahun lalu, MRSA 2016 yang berlangsung baru-baru ini mengiktiraf 20 penerima yang terbahagi kepada lima kategori dengan pihak Elsevier menawarkan dua anugerah iaitu Wanita Dalam Sains dan Kerjasama Antarabangsa manakala kategori anugerah yang ditawarkan daripada Clarivate Analytics adalah Penyelidik Frontier, Penyelidik Muda serta Sitasi Penerbitan Tertinggi.

Menteri Pendidikan Tinggi, **Datuk Seri Idris Jusoh** dalam ucapannya pada majlis itu yang merupakan kerjasama kementerian me-

nerusi Pusat Sitasi Malaysia dengan dua agensi berkenaan, melihat pengiktirafan tersebut memberi impak besar dalam meningkatkan lagi penerbitan ilmiah berimpak tinggi di negara ini.

Katanya, penglibatan dua agensi pengindeksan antarabangsa dalam anugerah berkenaan membuktikan hasil-hasil penyelidikan tempatan adalah bertaraf dunia.

"Kita ada pihak ketiga yang menyatakan di Malaysia ada penyelidik bertaraf dunia, malah kita antara terbaik dalam satu peratus di dunia. Lima universiti penyelidikan kita juga merupakan antara satu peratus terbaik di dunia dan ini adalah testimoni kejayaan kita yang terus meningkat," katanya dalam majlis yang turut dihadiri Timbalannya, Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching serta Ketua Setiausaha kementerian, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nor.

Idris turut berbangga apabila pangkalan data WoS menunjukkan bilangan penerbitan ilmiah Malaysia telah meningkat sebanyak lima kali ganda iaitu daripada 3,038 penerbitan pada 2006 kepada 16,149 penerbitan pada 2015.

Katanya lagi, penganjuran anugerah berkenaan yang merupakan kali kedua diadakan merupakan sebahagian daripada komitmen kementerian untuk melstarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti.

Bagi Pengarah Harta Intelek dan Sains ASEAN Clarivate Analytics, **John Langton**, Malaysia telah menunjukkan pencapaian yang amat

membanggakan dalam tempoh 10 tahun lepas.

"Peningkatan sebanyak lima kali ganda dicatatkan dalam jumlah penyelidikan yang kita indekskan dan jurnal-jurnal ini memberi sumbangan besar kepada bidang penyelidikan di seluruh dunia.

"Trend yang ditunjukkan ini adalah amat positif dan saya yakin ini adalah hasil kombinasi beberapa faktor termasuk kecekapan pengurusan sistem (pendidikan tinggi) serta keupayaan penyelidik-penyelidik Malaysia untuk menembusi pasaran dunia bidang penyelidikan," ujarnya yang bangga dapat memainkan peranan untuk membantu Malaysia menjadi semakin dikenali dalam bidang akademik peringkat antarabangsa.

Pengarah Serantau ASEAN Elsevier, **Jo-An Chia** pula berkata, bidang penerbitan ilmiah Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan.

"Elsevier amat berbangga dengan kejayaan dicapai Malaysia dan kami ingin melihat kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan," katanya.

Pada majlis itu, Clarivate Analytics turut memberi anugerah kepada tiga penyelidik tempatan bagi kategori Sitasi Penerbitan Tertinggi Malaysia dalam kalangan Minda-Minda Saintifik Berpengaruh Dunia 2016 dan Reuters Top 75: Universiti-Universiti Paling Inovatif Asia.

Dalam usaha menggalakkan penghasilan penerbitan ilmiah berimpak tinggi, sebanyak 18 jurnal ilmiah tempatan telah terpilih sebagai penerima Skim Galakan Penerbitan (Cream) kerana memperlihatkan prestasi tinggi dalam pangkalan data antarabangsa seperti WoS dan Scopus.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI